

17 NOV 2000

TIMBALAN PERDANA MENTERI CZECH TEMUI MAHATHIR

PUTRAJAYA, 17 Nov (Bernama) --Timbalan Perdana Menteri Republik Czech Pavel Mertlik hari ini menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Perbincangan mereka ditumpukan kepada isu dua hala bagi meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara, demikian menurut pegawai Kementerian Luar hari ini.

Mertlik, yang juga menteri kewangan berada di sini untuk lawatan kerja tiga hari, yang akan berakhir esok.

Lawatan Mertlik bertujuan untuk meningkatkan dagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Lawatan beliau ke Malaysia adalah peringkat kedua tertinggi dari negara itu, selepas lawatan bekas perdana menteri Vaclav Claus dalam tahun 1996.

Terdahulu, Mertlik menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini.

--BERNAMA

MAD ES RI